



MAJLIS PRA-PELANCARAN (SOFT LAUNCH) 7TH ASIA-PACIFIC URBAN FORUM (APUF7)



Pada 12 September 2019, YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin telah merasmikan Majlis Pra Pelancaran 7th Asia Pacific Urban Forum (APUF7). Forum ini bakal berlangsung pada 15 Oktober 2019 hingga 17 Oktober 2019 di Spice Convention Centre, Pulau Pinang. APUF7 merupakan forum bandar pelbagai peringkat dan pelbagai berkepentingan iaitu *“most diverse and multistakeholders”*

Pada tahun ini, APUF7 telah memilih Pulau Pinang sebagai lokasi kerana ingin menonjolkan inisiatif yang dilaksanakan oleh Pulau Pinang dalam penyelesaian isu bandar, masalah perumahan rakyat dan komuniti, pengangkutan awam, alam sekitar dan kemampuan selaras dengan keperluan pelaksanaan tempatan *Sustainable Development Goals (SDGs)* dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) dalam bandar atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) turut menganjurkan Konvensyen Permeriksaan PBT kali kedua pada 14 Oktober 2019 hingga 15 Oktober 2019 bersempena dengan penganjuran APUF7 pada kali ini. Objektif Konvensyen Permeriksaan PBT diadakan bersekali dengan APUF7 adalah untuk memastikan Pentadbir Bandar, Ahli Majlis di PBT dan kakitangan professional dapat mempelajari

hasil daripada perkongsian ilmu oleh penceramah-penceramah dari dalam dan luar negara,

Melalui tema APUF7 iaitu ***“Future of Asia and Pacific Cities: Transformative Pathways to Achieve The 2030 Agenda for Sustainable Development”***, lebih daripada 100 sesi bersekali antaranya *Leader Dialogue* yang akan membincangkan empat topik utama seperti *Urban and Territorial Planning, Urban Resilience, Data and Technologies for Smart Cities and Urban Finance*. Selain dari itu, terdapat sesi *Urban Innovation, deep dive discussion, roundtables, assemblies*, pameran dan lawatan teknikal



APUF7 adalah usaha bersama dua anggota besar United Nations yang terdiri daripada United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) dan UN Habitat dengan kerjasama KPKT dan URBANICE MALAYSIA. Seterusnya, forum pada kali ini mendapat sokongan penuh daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebagai “Host City” dan lebih 10 badan antarabangsa lain sebagai subcommittee turut berkerjasama bersama.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat